

Soalan 1 – 2

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 1 Nilai integriti seharusnya menjadi cara hidup bagi setiap ahli masyarakat.
A bagi tiap ahli masyarakat
B bagi setiap ahli-ahli masyarakat
C bagi setiap orang ahli masyarakat
D bagi setiap ahli masyarakat
- 2 Kita hendaklah menghargai kepercayaan yang diberikan kepada orang lain.
A kepercayaan yang diberi pada
B kepercayaan yang diberikan oleh
C kepercayaan yang memberi oleh
D kepercayaan yang diberikan kepada

Soalan 3 – 5

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 3 Remaja perlu melakukan sesuatu perkara pada tempat yang betul berdasarkan kepada peraturan yang ditetapkan. Tiada kesalahan.
A
B
C
D
- 4 Sikap amanah yang ada pada diri kita dapat meningkatkan kepercayaan orang lain terhadap diri kita. Tiada kesalahan.
A
B
C
D

- 5 Media massa adalah merupakan alat komunikasi yang berperanan memberikan pendidikan integriti kepada masyarakat. Tiada kesalahan.
A
B
C
D

Soalan 6

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 6 I Penerapan integriti pada tahap individu perlu melibatkan semua peringkat usia.
II Bahan bacaan yang menyampaikan mesej integriti dapat menyemai sikap berintegriti dalam kalangan remaja.
III Pendidikan integriti dalam kalangan remaja dapat dilaksanakan melalui subjek yang diajarkan di sekolah.
IV Media massa memainkan peranan penting di dalam memberikan pendidikan integriti terhadap remaja.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 7 – 8

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 7 Jamil menyesal kerana memberi kepercayaan kepada kawannya untuk menguruskan syarikatnya kerana dia telah menyelewengkan wang syarikat. Nasibnya tidak ubah seperti
A alah bisa tegal biasa.
B bagai duri dalam daging.
C bagai musuh dalam selimut.
D harapkan pagar, pagar makan padi.
- 8 Nilai integriti perlu ditanamkan dalam diri setiap murid kerana
A sekali tersengat, selalu beringat
B melentur buluh biarlah daripada rebungnya
C sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain
D sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada berguna